

18 JUL 1999

Mahathir-Lapangan terbang

LAPANGAN TERBANG PATUT TENTUKAN NASIBNYA SENDIRI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Majlis Antarabangsa Lapangan Terbang (ACI) boleh membantu membimbing lapangan terbang memainkan peranan yang lebih khusus dalam menentukan nasib mereka.

Beliau berkata pada masa lepas lapangan terbang mengetuai pemasaran, malah menentukan masa depan lapangan terbang.

"Saya bangga menyatakan bahawa lapangan terbang telah mula membabitkan diri secara langsung di dalam rundingan perkhidmatan udara, menentukan jadual penerbangan dan masa slot dan ini membolehkan mereka memasarkan terus kemudahan dan perkhidmatan," katanya pada jamuan malam sempena perhimpunan dan persidangan ACI Wilayah Pasifik di sini malam ini.

"Ini merupakan perkembangan positif dan menunjukkan bahawa lapangan terbang sudah mencapai usia matang tanpa mengetepikan aspek keselamatan dan kecukupan operasi pesawat," katanya.

Dr Mahathir berkata dalam banyak keadaan, lapangan terbang menjadi sebahagian daripada pusat bandar utama dan pinggir bandar dan ia perlu melaksanakan kesemua fungsi kepelbagaian dan pada masa yang sama mengekalkan tanggungjawab utama menerima dan menerbangkan pesawat dengan cekap dan selamat.

"Semasa kita membina lapangan terbang kita sebenarnya mendirikan sebuah bandar raya dengan memasukkan fungsi perbandaran yang canggih di bawah satu bumbung," katanya.

Dr Mahathir berkata banyak kajian dan kertas kerja dikemukakan oleh ACI dan badan-badan seperti Kumpulan Bertindak Pengangkutan Udara (ATAG) bagi meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai manfaat sosial dan ekonomi yang dibawa oleh sesebuah lapangan terbang kepada masyarakat dan negara.

Katanya angka yang dikemukakan dalam kajian itu yang membabitkan pekerjaan, peluang-peluang pelaburan dan pertumbuhan perniagaan dan kesan penggandaannya kepada ekonomi secara keseluruhannya membantu mengubah tanggapan negatif orang ramai mengenai perbelanjaan ke atas lapangan terbang.

"Lapangan Terbang Antarabangsa yang lama di Subang dikatakan akan menjadi gajah putih semasa dibina. Apa yang berlaku ialah Lapangan Terbang Subang membantu menyemarakkan pembangunan pesat di kawasan persekitarannya," katanya.

"Walaupun pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) juga dikatakan mewah oleh sesetengah pihak, saya yakin ia akan membuktikan bahawa projek seperti KLIA perlu bagi pertumbuhan dan kemakmuran negara dalam jangka masa panjang," katanya.

Kajian impak ke atas kawasan yang berkaitan dengan pembinaan lapangan terbang perlu diteruskan oleh pertubuhan seperti ACI, sebagai suara lapangan terbang dunia, katanya.

Mengenai kegawatan ekonomi yang dihadapi rantau ini pada suku ketiga 1997, Dr Mahathir berkata walaupun lapangan terbang pada amnya mudah pulih dalam kemelesetan ekonomi daripada syarikat penerbangan, lapangan terbang di rantau ini pada kali ini turut terjejas.

"Seperti lapangan terbang lain di rantau ini, lapangan terbang di Malaysia turut mengalami penurunan penumpang tahun lepas walaupun kita nampak semakin baik tahun ini," katanya.

Dr Mahathir berkata lapangan terbang sudah menjadi lebih transnasional

dan global dan mungkin masanya sudah tiba bagi lapangan terbang menerima pakai klasifikasi hotel seperti yang bertaraf lima bintang, tiga bintang dan seterusnya.

Beliau berkata fokus mengenai paras pembaikan kualiti perkhidmatan patut menjadi syarat bagi lapangan terbang pada masa depan.

Beliau juga berkata lapangan terbang kini perlu memainkan peranan dalam mempromosi dan pertukaran perdagangan, industri, sosial dan kebudayaan.

Dr Mahathir juga memuji KLIA Berhad yang dipilih menduduki tempat ketiga di dunia oleh Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) bagi kepuasan penumpang dan bagi syarikat itu dicalonkan kerana kecemerlangan di dalam kerja-kerja kejuruteraan.

"Ini adalah pencapaian yang sungguh membanggakan oleh negara sedang membangun dalam tempoh yang singkat," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun terdapat masalah sepanjang dua minggu pertama operasi KLIA, ia diatasi lebih cepat daripada biasa dan kejayaan pembangunan KLIA mengatasi pembinaan fizikal lapangan terbang itu.

Katanya pelaksanaan program pemindahan teknologi membolehkan syarikat-syarikat tempatan bersaing dengan syarikat-syarikat utama dalam industri lapangan terbang.

-- BERNAMA
AKT LAT AKD